



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

**PANDUAN AM
LEVI
PELEPASAN**

Penerbitan

Tarikh diterbitkan: 20 Ogos 2019.

Panduan Am Levi Pelepasan boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru.

Notis Hak Cipta

Hak Cipta 2019 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan, diedarkan, disimpan dalam sistem perolehan kembali atau dihantar dalam apa-apa bentuk atau dengan apa-apa cara, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis terdahulu Jabatan Kastam Diraja Malaysia kecuali dalam kes ringkas petikan yang terkandung dalam ulasan kritikal dan penggunaan bukan komersial lain yang dibenarkan oleh Akta Hakcipta 1987 (Akta 332). Dalam penghasilan semula atau pemetikan kandungan, perakuan sumber diperlukan.

Penolakan Tuntutan

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang layanan yang berkaitan di bawah Levi Pelepasan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan Levi ke atas pengendali. Ia tidak bertujuan untuk menyelesaikan semua masalah pelaksanaan Levi pelepasan yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau sebarang kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat daripada Panduan ini. Semua maklumat adalah terkini pada masa penyediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

PENGENALAN	1
Gambaran Keseluruhan Levi Pelepasan	1
DEFINISI	2
Levi Pelepasan	2
Pengendali.....	2
PENGENAAN LEVI PELEPASAN	4
LEVI PELEPASAN YANG GENAP MASA	5
KADAR LEVI PELEPASAN	6
PENGECUALIAN DARIPADA LEVI PELEPASAN	7
PENDAFTARAN PENGENDALI LEVI PELEPASAN	9
Pendaftaran Pengendali Asing	9
Pemberitahuan Pendaftaran	11
PEMBERHENTIAN TANGGUNGAN DAN PEMBATALAN PENDAFTARAN	11
REKOD, PENYATA DAN TAKSIRAN	12
Invois atau Tiket.....	12
Penyimpanan Rekod	13
PENYATA DAN PEMBAYARAN LEVI PELEPASAN	14
Penyata dan Pembayaran	14
Pembetulan kesilapan	16
Cara Penghantaran Penyata dan Pembayaran	17
KAEDAH PULANG BALIK KEPADA ORANG BERDAFTAR	19
KESALAHAN-KESALAHAN BOLEH DIKOMPAN	21
SOALAN-SOALAN LAZIM	24
BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT LEVI PELEPASAN	29

PENGENALAN

1. Panduan ini disediakan untuk membantu pengendali yang menyediakan pengangkutan penumpang ke luar negara dengan mengenakan levi pelepasan berkuatkuasa 1 September 2019. Levi akan dikenakan ke atas semua orang yang meninggalkan Malaysia tanpa mengira mod pengangkutan termasuk mereka yang berjalan kaki.
2. Peringkat awal pelaksanaan diputuskan bahawa **levi pelepasan hanya dikenakan kepada orang yang ke luar negara dengan menggunakan mod laluan udara sahaja** dan **pengecualian diberikan kepada mod pengangkutan lain** berdasarkan kepada kuasa yang diberikan kepada Menteri Kewangan.
3. Pengendali pengangkutan udara perlu memahami dan mematuhi perundangan levi pelepasan dan panduan am levi pelepasan ini disediakan sebagai garis panduan kepada industri penerbangan.

Gambaran Keseluruhan Levi Pelepasan

4. Pelaksanaan Levi Pelepasan diperuntukkan di bawah perundangan berikut:
 - a) Akta Levi Pelepasan 2019;
 - b) Peraturan-peraturan Levi Pelepasan 2019;
 - c) Peraturan-peraturan Levi Pelepasan (Pengkompunan Kesalahan) 2019;
 - d) Perintah Levi Pelepasan (Kadar Levi) 2019;
 - e) Perintah Levi Pelepasan (Pengecualian) 2019;
 - f) Penetapan Tarikh Efektif Bagi Mengenakan Dan Melevikan Levi Pelepasan; dan
 - g) Penetapan Tarikh Permulaan Kuat Kuasa.

DEFINISI

Levi Pelepasan

5. Istilah "levi pelepasan" ialah suatu levi yang kena dibayar di bawah Akta Levi Pelepasan 2019. Levi pelepasan ini perlu dibayar oleh orang yang meninggalkan Malaysia untuk ke Luar Negara.

Pengendali

6. Istilah "pengendali" telah ditakrifkan dalam Seksyen 3 Akta Levi Pelepasan 2019 seperti berikut:
- * mana-mana orang yang mengendalikan apa-apa kenderaan untuk membawa mana-mana orang yang meninggalkan Malaysia dan
 - * "pengendali asing" iaitu mana-mana orang yang mengendalikan apa-apa kenderaan untuk membawa mana-mana orang meninggalkan Malaysia tetapi tidak mempunyai perniagaan atau tempat perniagaan di Malaysia.
 - * Takrifan kenderaan yang dimaksudkan di dalam Akta ini adalah merangkumi semua jenis kenderaan pengangkutan di mod darat, udara dan laut. Walau bagaimanapun, bagi tujuan pelaksanaan pada masa ini, hanya orang yang meninggalkan Malaysia yang menggunakan mod pengangkutan udara dengan kapal terbang, jet peribadi dan helikopter yang akan dikenakan levi.

Contoh 1

Syarikat penerbangan Malaysia Airlines Systems Berhad (MAB) merupakan pengendali yang menyediakan perkhidmatan penerbangan ke luar negara daripada Malaysia. Syarikat MAB berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Syarikat ini

adalah dianggap sebagai pengendali sepertimana di bawah Seksyen 3, Akta Levi Pelepasan 2019.

Contoh 2

Syarikat penerbangan Bhutan Air merupakan pengendali pengangkutan yang menyediakan perkhidmatan penerbangan dari destinasi antarabangsa ke Malaysia dan dari Malaysia ke luar Negara. Syarikat tersebut tidak mempunyai establismen di Malaysia. Syarikat ini adalah dianggap sebagai pengendali asing sepertimana di bawah Seksyen 3, Akta Levi Pelepasan 2019.

Contoh 3

Syarikat Star Cruise merupakan pengendali cruise yang menyediakan perkhidmatan pelayaran mewah dari Port Klang ke Phuket, Thailand. Syarikat ini adalah dianggap sebagai pengendali sepertimana di bawah Seksyen 3, Akta Levi Pelepasan 2019, walau bagaimanapun syarikat ini tidak perlu mengenakan levi pelepasan kepada orang yang meninggalkan Malaysia kerana mod pengangkutan syarikat ini adalah mod laut.

Contoh 4

Syarikat Sri Maju Sdn Bhd menyediakan perkhidmatan pengangkutan bas penumpang dari Perak ke Singapura. Syarikat ini adalah dianggap sebagai pengendali sepertimana di bawah Seksyen 3, Akta Levi Pelepasan 2019, walau bagaimanapun syarikat ini tidak perlu mengenakan levi kepada orang yang meninggalkan Malaysia kerana mod pengangkutan syarikat ini adalah mod darat.

- * *Perkhidmatan taksi/ e-hailing dari Malaysia ke luar negara juga tidak tertakluk kepada pengenaan levi pelepasan kepada orang yang meninggalkan Malaysia kerana mod pengangkutan perkhidmatan ini adalah mod darat.*

PENGENAAN LEVI PELEPASAN

7. Levi Pelepasan dikenakan dan dilevikan ke atas mana-mana orang yang meninggalkan Malaysia dengan menggunakan pengangkutan udara sahaja. Pengendali mod pengangkutan udara hendaklah mengutip levi pelepasan daripada orang yang meninggalkan Malaysia dengan **mengenaikannya di dalam tiket atau apa-apa dokumen** oleh syarikat penerbangan kepada penumpang.
8. Penyediaan perkhidmatan pengangkutan udara termasuk pesawat peribadi samada secara percuma atau tidak mempunyai tiket juga tertakluk kepada pengenaan levi pelepasan.
9. Mana-mana pengendali yang menyediakan perkhidmatan catar penerbangan kepada mana-mana agensi pelancongan, pengenaan levi pelepasan hendaklah diakaunkan dan dilevikan ke atas bilangan penumpang yang berlepas mengikut kadar levi pelepasan yang ditetapkan di dalam Perintah Levi Pelepasan (Kadar Levi Pelepasan) 2019.

Contoh 5

En Adam Firas telah membeli tiket penerbangan dari KLIA ke Doha dengan menaiki Qatar Airways. Pengendali Qatar Airways perlu mengenakan dan mengutip kadar levi pelepasan yang ditetapkan kepada En Adam Firas.

Contoh 6

Datin Inas merupakan pemilik kepada sebuah syarikat pelancongan. Beliau telah menempah 50 kerusi bagi penerbangan dari Kuala Lumpur ke Beijing, China. Pengendali penerbangan tersebut ialah Cathay Pacific. Oleh yang demikian, Cathay Pacific akan mengenakan levi pelepasan ke atas 50 penumpang di bawah kendalian syarikat pelancongan Datin Inas.

Contoh 7

Syarikat Leena Travel Sdn Bhd mempunyai kontrak dengan Malindo Air bagi menyediakan perkhidmatan catar penumpang daripada Pulau Pinang ke Bali, Indonesia. Malindo Air perlu mengakaunkan levi pelepasan ke atas bilangan penumpang yang berlepas mengikut kelas yang disediakan kepada penumpang.

LEVI PELEPASAN YANG GENAP MASA

10. Levi Pelepasan yang dikenakan dan dikutip oleh pengendali hendaklah menjadi genap masa apabila orang itu meninggalkan Malaysia. Walaupun orang tersebut telah membeli tiket lebih awal dan dikenakan caj levi di dalam tiket yang telah dibeli, levi tersebut belum lagi dianggap genap masa selagi orang itu belum lagi meninggalkan Malaysia.
11. Levi hanya perlu diakaun dan diremit setelah penumpang meninggalkan Malaysia.

Contoh 8

Puan Farha telah membeli tiket penerbangan dari KLIA ke New Delhi, India pada tarikh 1 September 2019 dan jadual penerbangan penumpang tersebut adalah pada 15 Oktober 2019. Penumpang tersebut telah membuat penerbangan pada tarikh yang dijadualkan. Tempoh genap masa bagi pengendali untuk mengakaunkan levi pelepasan ke atas Puan Farha adalah pada 15 Oktober 2019.

Contoh 9

Irdina telah membeli tiket penerbangan daripada KLIA ke Bangkok pada 1 November 2019 dan membayar levi pelepasan yang dikenakan di dalam tiket tersebut. Walaubagaimanapun, Irdina gagal berlepas ke Bangkok pada hari tersebut dan levi belum dianggap genap masa untuk pengendali mengakaunkan levi pelepasan. Beliau berhak untuk membuat tuntutan

semula amaun levi yang telah dibayar kepada pengendali penerbangan berkenaan.

KADAR LEVI PELEPASAN

12. Kadar levi pelepasan adalah sepertimana yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan sepertimana yang dinyatakan di dalam Perintah Levi Pelepasan (Kadar Cukai) 2019 yang mana dibahagikan kepada 4 kategori seperti jadual dibawah:

Destinasi Kelas	ASEAN (RM)	SELAIN ASEAN (RM)
Selain Ekonomi	50.00	150.00
Ekonomi	8.00	20.00

13. Secara umumnya, mana-mana kelas penerbangan yang diiklan, dijual dan disediakan oleh syarikat penerbangan dalam kategori yang menggunakan istilah **`ekonomi`** diklasifikasikan sebagai kelas ekonomi. Jika pengendali penerbangan yang tidak menggunakan apa-apa istilah atau kelas di dalam pengiklanan semasa jualan tiket berlaku, pakej tiket yang menawarkan pakej terendah diklasifikasikan sebagai kelas ekonomi.
14. Jika pihak pengendali penerbangan masih sukar untuk menentukan kelas tiket setelah merujuk di para 13, kelas ekonomi boleh ditentukan mengikut pengukuran jarak tempat duduk di dalam kabin antara titik pada satu tempat duduk dan titik yang sama di tempat duduk terus di hadapannya adalah di bawah 40 inci. Selain daripada itu, ianya diklasifikasi sebagai kelas selain ekonomi.
15. Jika pihak pengendali penerbangan mengubah kelas penerbangan penumpang daripada ekonomi ke kelas selain ekonomi atas faktor tertentu, pihak pengendali perlu mengakaunkan levi apabila genap masa dengan

kadar levi kelas selain ekonomi walaupun pihak pengendali mengutip dan mengenakan levi pelepasan dengan kadar kelas ekonomi.

16. Kadar levi pelepasan ke destinasi ASEAN atau selain daripada ASEAN ditentukan berdasarkan **destinasi terakhir** dalam sesuatu jadual perjalanan.

PENGECCUALIAN DARIPADA LEVI PELEPASAN

17. Pengecualian levi pelepasan yang dinyatakan di bawah Perintah Levi Pelepasan (Pengecualian) 2019, dibahagikan kepada dua kategori iaitu ;-

i) Pengecualian Daripada Pembayaran Levi Pelepasan (Jadual Pertama)

Orang-orang yang layak diberi pengecualian daripada membayar levi pelepasan sepertimana yang dinyatakan di Jadual Pertama adalah seperti berikut :

- a) Kanak-kanak/bayi yang berumur 24 bulan ke bawah pada masa tarikh berlepas ke luar negara.
- b) Penumpang kapal udara dalam transit yang tiba di mana-mana lapangan terbang antarabangsa di Malaysia dari luar Negara dan kemudiannya meninggalkan Malaysia dengan kapal udara yang sama atau berlainan untuk ke destinasi seterusnya dan tempoh transit tidak melebihi 12 jam.
- c) Orang yang memandu sendiri apa-apa jenis kenderaan termasuk kapal udara ke luar negara.
- d) Mana-mana krew yang **bertugas** di atas apa-apa pengangkutan udara ke luar negara termasuk kapal udara.

ii) Pengecualian Daripada Mengenakan Levi Pelepasan (Jadual Kedua)

Pengendali yang diberi pengecualian daripada mendaftar di bawah Akta ini adalah seperti berikut:-

- a) Pengendali pengangkutan air dan darat

- b) Pengendali kenderaan komersil yang menyediakan perkhidmatan pengangkutan udara secara catar bagi mengangkut pekerja ke pelantar minyak, platform atau yang seumpamanya.
- c) Mana-mana Kerajaan yang mengendalikan apa-apa jenis kenderaan.

Contoh 10

Pesawat TUDM yang membawa tentera udara daripada Lapangan Subang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah ke Singapura tidak perlu berdaftar dan mengenakan levi pelepasan kepada tentera yang meninggalkan Malaysia kerana pesawat TUDM adalah pesawat milik Kerajaan yang mendapat pengecualian dari mengenakan levi.

Contoh 11

Ahmad berlepas menaiki kapal terbang daripada Indonesia ke Istanbul, Turki dengan transit selama 11 jam di KLIA. Apabila Ahmad berlepas daripada KLIA ke Istanbul, Turki beliau tidak perlu membayar levi pelepasan di bawah Akta ini kerana beliau transit di KLIA tidak melebihi 12 jam yang mana mendapat pengecualian daripada membayar levi.

Contoh 12

Alia Sandha adalah seorang pramugari yang bertugas di Malaysia Airlines Bhd. Beliau bercuti bersama suaminya ke London dengan menaiki penerbangan MH007 dari KLIA ke Heathrow Airport. Alia Sandha perlu membayar levi pelepasan walaupun beliau adalah sebagai krew kabin untuk MH007 kerana beliau sebagai penumpang dan tidak bertugas ketika itu.

Contoh 13

Syarikat Carigali MSO Sdn Bhd mempunyai kontrak bersama Carigali Brunei Ltd di pelantar minyak perairan Brunei. Setiap bulan pihak syarikat akan menghantar pekerja yang bertugas dengan menaiki helikopter dari Miri ke Brunei. Pengendali helikopter tidak perlu mengenakan levi

pelepasan kepada pekerja yang terlibat kerana menyediakan perkhidmatan pengangkutan udara secara catar bagi pengangkutan pekerja ke pelantar minyak.

PENDAFTARAN PENGENDALI LEVI PELEPASAN

18. Berdasarkan kepada Seksyen 13(1) Akta Levi Pelepasan 2019, mana-mana pengendali penerbangan udara adalah bertanggungjawab untuk berdaftar dan membuat permohonan kepada Ketua Pengarah Kastam untuk didaftarkan tidak kurang daripada 30 hari sebelum tarikh permulaan operasi bagi membawa mana-mana orang meninggalkan Malaysia. Pendaftaran pengendali perlu dibuat secara atas talian (online) di dalam Sistem MyDLv di dalam borang DL-01. Pengendali yang telah berdaftar selepas ini akan dirujuk sebagai Orang Berdaftar di dalam panduan ini.
19. Setiap Orang Berdaftar perlu memasukkan elemen '*Levi Pelepasan*' di dalam tiket atau apa-apa dokumen yang dikeluarkan kepada penumpang. Ini bermakna harga tiket keseluruhannya adalah termasuk '*Levi Pelepasan*' di samping caj-caj lain yang dikenakan oleh syarikat penerbangan.

Pendaftaran Pengendali Asing

20. Pengendali asing adalah pengendali yang tidak mempunyai establismen di Malaysia, maka pengendali asing tersebut adalah diwajibkan melantik ejen sebagai wakil bagi pihaknya. Pendaftaran bagi ejen perlu dibuat secara atas talian (online) di dalam Sistem MyDLv di dalam borang DL-01. Pendaftaran ke atas ejen ini perlulah dibuat dalam tempoh tidak kurang dari 30 hari dari hari pertama permulaan operasi pengendali asing yang membawa mana-mana orang meninggalkan Malaysia.
21. Sekiranya terdapat perubahan kepada ejen yang dilantik, pengendali asing tersebut dikehendaki melantik ejen yang baru untuk bertindak bagi pihaknya dalam tempoh tidak kurang dari 30 hari sebelum perubahan itu berkuatkuasa. Manakala ejen yang baru dilantik pula perlu memohon

pendaftaran dalam masa 30 hari selepas tarikh pelantikannya daripada pengendali asing.


22. Walau bagaimanapun, Ketua Pengarah Kastam juga mempunyai kuasa untuk mendaftar mana-mana pengendali dan ejen pengendali asing yang tidak memohon untuk didaftarkan sekiranya dirasakan mereka layak didaftarkan berkuatkuasa mulai dari hari pertama pada bulan berikutnya selepas maklumat tersebut diketahui oleh Ketua Pengarah Kastam.

Contoh 14

Syarikat penerbangan Brussels Airlines merancang untuk menyediakan perkhidmatan penerbangan daripada Kuala Lumpur ke Brussels, Belgium bermula pada 1 November 2019. Syarikat ini tidak mempunyai pejabat yang berdaftar di Malaysia. Oleh yang demikian, Brussels Airlines dikehendaki melantik ejen sebagai wakil syarikat dan didaftarkan sebagai orang berdaftar sebelum 1 Oktober 2019.

Contoh 15

Syarikat penerbangan ZZ Airlines telah melantik ABC Travel Sdn Bhd sebagai ejen berdaftar bagi ZZ Airlines dan didaftarkan pada 1 September 2019. Walau bagaimanapun, atas sebab tertentu, ZZ Airlines mengambil keputusan untuk menukar ejen mereka kepada syarikat XYZ Management Sdn Bhd mulai 1 Januari 2021. Oleh yang demikian, ZZ Airlines hendaklah melantik syarikat XYZ Management Sdn Bhd sebagai ejen mereka sebelum 1 Disember 2020 dan XYZ Management Sdn Bhd hendaklah memohon pendaftaran sebagai orang berdaftar dalam masa 30 hari selepas daripada tarikh pelantikan itu.



Contoh 16

Air Asia merupakan pengendali penerbangan tempatan yang menyediakan perkhidmatan penerbangan domestik dan antarabangsa di Malaysia. Oleh yang demikian, Air Asia adalah dikehendaki mendaftar bagi membolehkan mereka mengenakan levi pelepasan kepada penumpang antarabangsa yang berlepas dari lapangan terbang Malaysia sebelum 30 hari daripada tarikh efektif pelaksanaan Akta ini.

Pemberitahuan Pendaftaran

23. Mana-mana pengendali yang telah diluluskan pendaftaran oleh Ketua Pengarah akan dimaklumkan secara bertulis oleh Ketua Pengarah.
24. Pengendali akan diberikan nombor pendaftaran dan sijil pendaftaran oleh Ketua Pengarah kepada pengendali yang mana pendaftarannya telah diluluskan.
25. Nombor pendaftaran dan sijil pendaftaran akan dimaklumkan melalui email yang berdaftar.
26. Mana-mana orang berdaftar hendaklah memaklumkan dengan serta merta kepada Pegawai Kanan Kastam di mana pejabat Kastam yang mengawal secara bertulis apabila **terdapat apa-apa perubahan** berkenaan dengan nama perniagaan, alamat perniagaan, status perniagaan atau berkaitan ejen yang dilantik. Orang berdaftar yang gagal berbuat demikian telah melakukan suatu kesalahan.

PEMBERHENTIAN TANGGUNGAN DAN PEMBATALAN PENDAFTARAN

27. Mana-mana orang berdaftar yang berniat untuk berhenti dari menjadi orang berdaftar dalam keadaan berikut:-

- i. Berniat untuk berhenti dari menjalankan operasi sebagai pengendali; atau
- ii. Berniat untuk berhenti dari menjadi ejen pengendali asing.

Orang berdaftar dikehendaki menulis secara rasmi kepada Ketua Pengarah Kastam mengenai pemberhentian atau pembatalan mereka dalam tempoh 60 hari sebelum dari tarikh pemberhentian operasi. Walaubagaimanapun ianya tertakluk kepada keputusan Ketua Pengarah Kastam.

REKOD, PENYATA DAN TAKSIRAN

28. Setiap orang berdaftar perlu menyimpan jenis-jenis rekod terutama yang berkaitan dengan mana-mana orang yang dibawa oleh orang berdaftar meninggalkan Malaysia dan semua transaksi yang menyentuh tanggungannya untuk mengenakan levi di bawah Akta Levi Pelepasan 2019.

Invois atau Tiket

29. Setiap Orang Berdaftar hendaklah mengeluarkan invois, tiket atau apa-apa dokumen berkaitan mana-mana orang yang dibawa oleh orang berdaftar meninggalkan Malaysia di dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris. Invois atau tiket atau apa-apa dokumen yang dikeluarkan kepada penumpang hendaklah mengandungi klausa 'Levi Pelepasan' yang dikenakan.

Contoh 17

Hawa bersama anaknya yang berumur 20 bulan akan berlepas dari Senai Airport, Johor ke Medan, Indonesia. Pengendali perlu mengutip dan mengenakan levi hanya ke atas Hawa manakala anaknya yang berumur 20 bulan tidak dikenakan levi pelepasan. Pengendali perlu menyatakan di

*dalam **invois** atau **tiket** klausa 'Levi Pelepasan' beserta amaun levi di dalam tiket yang dikeluarkan kepada Hawa sahaja.*

30. Mana-mana orang selain dari orang yang berdaftar tidak dibenarkan untuk mengeluarkan suatu invois atau tiket atau apa-apa dokumen lain yang menunjukkan amaun berupa sebagai Levi Pelepasan.


Penyimpanan Rekod

31. Semua rekod berkaitan dengan Levi Pelepasan hendaklah disimpan dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris dalam tempoh tujuh (7) tahun dari tarikh terakhir rekod yang berkaitan.
32. Setiap Orang Berdaftar perlu mengemukakan maklumat penumpang laluan antarabangsa kepada Jabatan sekiranya ianya diperlukan selaras dengan kehendak seksyen 17 Akta Levi Pelepasan 2019. Maklumat-maklumat adalah seperti berikut:-
- i. Nama
 - ii. Tarikh Lahir
 - iii. Nombor Passport
 - iv. Nama Pengendali Penerbangan
 - v. Tarikh Pelepasan daripada Malaysia
 - vi. Destinasi Terakhir
 - vii. Kelas Ekonomi / Selain Kelas Ekonomi
33. Jika rekod disimpan secara elektronik, rekod itu mestilah boleh dicapai dan mudah diubah ke dalam bentuk bertulis. Sekiranya rekod pada mulanya disimpan dalam bentuk manual tetapi kemudiannya diubah ke dalam bentuk elektronik, rekod hendaklah dikekalkan dalam bentuk asal sebelum diubah.

PENYATA DAN PEMBAYARAN LEVI PELEPASAN

Penyata dan Pembayaran

34. Tiada konsep tempoh bercukai bagi levi pelepasan. Setiap pengendali dikehendaki mengakaunkan Levi Pelepasan yang diterima di dalam penyata bagi setiap tempoh penyata dengan menggunakan Borang DL-02 di dalam sistem MyDLv dan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah Kastam tidak lewat daripada hari terakhir bulan berikutnya selepas berakhirnya tempoh penyata yang berhubungan dengan penyata itu.



Contoh 18

Qantas Air telah mengenakan levi pelepasan pada bulan Ogos 2020 dengan melibatkan orang yang meninggalkan Malaysia ke Australia seramai 150,000 orang dengan kelas ekonomi dan 55,000 orang dengan kelas selain daripada ekonomi. Pihak Qantas Air perlu mengemukakan penyata bulan Ogos 2020 tidak lewat dari tarikh hari terakhir bulan berikutnya iaitu pada 30 September 2020 kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

35. Pengendali hendaklah mengikrar jumlah orang yang meninggalkan Malaysia ke luar negara mengikut kelas-kelas yang ditetapkan di dalam penyata DL-02.

Contoh 19

Emirates Airlines telah menyediakan perkhidmatan pengangkutan udara dengan membawa 265,000 orang dari KLIA ke negara selain ASEAN pada bulan Disember 2019. Berdasarkan data tersebut, 200,000

menggunakan kelas ekonomi dan selebihnya dengan kelas selain ekonomi. Pihak Emirates Airlines perlu mengikrar penyata levi dan membayarnya bagi penyata bulan Disember sebelum 31 Januari 2020 mengikut kadar-kadar levi pelepasan yang ditetapkan seperti berikut:-

Penyata Bulan Disember

<i>Kelas</i>	<i>ASEAN</i>	<i>Selain ASEAN</i>
<i>Selain Ekonomi</i>	<i>0.00</i>	<i>65,000 orang</i>
<i>Ekonomi</i>	<i>0.00</i>	<i>200,000 orang</i>
<i>Amaun Levi Pelepasan</i>		
<i>Kena Bayar (RM)</i>		<i>RM 19,750,000.00</i>

36. Setiap amaun levi pelepasan yang genap masa yang diikrar di dalam penyata di bawah seksyen 19 hendaklah dibayar oleh orang berdaftar berkenaan dengan tempoh yang berhubungan dengan penyata itu tidak lewat daripada hari terakhir untuk mengemukakan penyata itu.
37. Orang Berdaftar yang telah berhenti menjadi orang berdaftar di bawah seksyen 16 hendaklah mengemukakan suatu penyata terakhir sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari selepas pendaftarannya terhenti.
38. Jika Orang Berdaftar tidak menyediakan apa-apa perkhidmatan pengangkutan udara bagi tempoh penyata tersebut, pihak Orang Berdaftar masih perlu untuk mengemukakan penyata kepada Ketua Pengarah bagi tempoh tersebut.

Contoh 20

Syarikat Kembara Sdn Bhd yang menyediakan perkhidmatan jet persendirian kepada orang kenamaan mengikut permintaan semasa. Bagi tempoh bulan Oktober hingga November tiada penerbangan yang disediakan oleh syarikat tersebut. Pihak syarikat Kembara Sdn Bhd perlu

mengemukakan penyata kepada Jabatan bagi tempoh di atas walaupun tiada penerbangan dilakukan syarikat tersebut ke mana-mana negara.

Pembetulan kesilapan

39. Jika terdapat pembetulan kesilapan dibuat dalam mana-mana penyata yang telah dikemukakan, Orang Berdaftar boleh:

- a) Jika pembetulan berkaitan dengan penyata semasa di mana ia masih dalam tempoh yang ditetapkan iaitu tidak lewat daripada hari terakhir bulan berikutnya, pembetulan hendaklah dibuat dalam penyata semasa dan dikemukakan semula.

Contoh 21

Tempoh Penyata Semasa:

<i>Tempoh bercukai</i>	<i>31 Januari 2020</i>
<i>Tarikh akhir hantar penyata</i>	<i>29 Februari 2020</i>
<i>Hantar penyata</i>	<i>20 Februari 2020</i>
<i>Pembetulan atas penyata semasa</i>	<i>26 Februari 2020</i>

- b) Penyata yang telah dihantar dan dibayar sepenuhnya sebelum tarikh terakhir pengemukakan penyata tidak dibenarkan membuat pindaan ke atas penyata tersebut. Walaubagaimanapun orang berdaftar dibenarkan membuat sebarang pindaan penyata yang melibatkan penambahan jumlah levi pelepasan kena dibayar dan supplement penyata bagi tujuan tersebut akan dijana oleh sistem MyDLv.
- c) Bagi penyata yang telah dikemukakan sebelum tarikh terakhir pengemukakan penyata tetapi bayaran masih belum dibayar sepenuhnya dan pindaan ke atas penyata dibuat selepas tempoh tarikh terakhir pengemukakan penyata, orang berdaftar boleh dikompaun di atas kesalahan menghantar penyata yang tidak betul dan penalti juga akan

dikenakan ke atas bagi amaun yang masih belum bayar sepertimana dinyatakan dalam seksyen 20(2) Akta Levi Pelepasan 2019.

- d) Bagi penyata yang dikemukakan sebelum tarikh terakhir pengemukaan penyata tetapi bayaran masih belum dibayar, jika ada sebarang pindaan ke atas penyata ianya akan merujuk kepada penyata asal sehingga tempoh pengemukaan penyata berakhir. Pindaan penyata yang melibatkan pengurangan jumlah levi kena dibayar selepas tarikh akhir pengemukaan penyata adalah tertakluk kepada kelulusan pegawai Levi Pelepasan. Kesalahan menghantar penyata yang tidak betul akan dikompaun dan penalti dikenakan ke atas bagi amaun yang masih belum bayar sepertimana dinyatakan dalam seksyen 20(2) Akta Levi Pelepasan 2019.
- e) Pindaan penyata hanya dibenarkan sekali sahaja selepas tarikh akhir pengemukaan penyata dengan syarat pembayaran levi telah dibuat.

Cara Penghantaran Penyata dan Pembayaran

- 40. Pengendali perlu mengemukakan penyata DL-02 melalui perkhidmatan elektronik MyDLv kepada Ketua Pengarah.
- 41. Setiap penyata dianggap telah dikemukakan melalui perkhidmatan elektronik jika penyata yang benar, tepat dan lengkap itu telah diterima oleh Ketua Pengarah di dalam system MyDLv.
- 42. Pembayaran Levi Pelepasan, penalti atau apa-apa bayaran di bawah Akta ini hendaklah dibayar melalui sistem MyDLv dengan menggunakan perkhidmatan perbankan elektronik kepada Ketua Pengarah. Pembayaran itu dianggap telah dibayar apabila telah dikreditkan kepada Ketua Pengarah.
- 43. Jumlah levi pelepasan yang kena dibayar hendaklah diisytiharkan dalam Ringgit Malaysia dalam penyata.

44. Bayaran tunai atau bayaran melalui pos, cek atau bank draf yang dibuat secara sendiri atau melalui pos adalah tidak dibenarkan.
45. Pengendali digalakkan untuk membuat bayaran awal bagi membolehkan masa yang mencukupi untuk mengelakkan sebarang kesulitan yang dialami dan seterusnya untuk mengelakkan pengenaan penalti kerana pembayaran lewat.
46. Jika Levi Pelepasan genap masa dan kena dibayar tidak dibayar keseluruhannya atau sebahagiannya oleh mana-mana selepas hari terakhir di mana ia kena dibayar dan tiada pendakwaan dimulakan, pengendali dikehendaki membayar-
 - a) untuk tempoh tiga puluh (30) hari pertama Levi Pelepasan tidak dibayar sepenuhnya atau sebahagiannya selepas tamat tempoh tersebut, penalti sebanyak sepuluh peratus (10%) daripada amaun Levi Pelepasan yang masih belum dibayar;
 - b) untuk tempoh tiga puluh (30) hari yang kedua Levi Pelepasan tidak dibayar sepenuhnya atau sebahagiannya selepas tamat tempoh tersebut, penalti tambahan sebanyak lima belas peratus (15%) daripada amaun Levi Pelepasan yang masih belum dibayar; dan
 - c) untuk tempoh tiga puluh (30) hari yang ketiga Levi Pelepasan tidak dibayar sepenuhnya atau sebahagiannya selepas tamat tempoh itu, dan penalti tambahan sebanyak lima belas peratus (15%) daripada amaun Levi Pelepasan yang masih belum dibayar.

Contoh 22

OKOK Airlines adalah pengendali yang berdaftar di bawah Akta Levi Pelepasan 2019 dan telah menghantar tempoh penyata pada 1 Julai hingga 31 Julai 2020. Tarikh terakhir pengikraran dan pembayaran

penyata tersebut adalah sebelum 31 Ogos 2020. Pihak syarikat telah membayar Levi Pelepasan sebanyak RM100,000 pada 20 September 2020. Oleh demikian, syarikat ini tertakluk kepada penalti seperti berikut:

<i>Levi Pelepasan kena dibayar sebelum</i>	<i>31 Ogos 2020</i>
<i>Bilangan hari bayaran lewat</i>	<i>20 hari</i>
<i>Penalti dikenakan(RM100,000 x 10%)</i>	<i>RM 10,000</i>

Contoh 23

Cepat Airlines adalah pengendali yang berdaftar di bawah Akta Levi Pelepasan 2019 dan telah menghantar tempoh penyata pada 1 September hingga 30 September 2019. Tarikh terakhir pengikraran dan pembayaran penyata tersebut adalah sebelum 31 Oktober 2019. Pihak syarikat telah membayar Levi Pelepasan sebanyak RM400,000 pada 20 Disember 2019. Oleh demikian, syarikat ini tertakluk kepada penalti seperti berikut:

<i>Levi Pelepasan kena dibayar sebelum</i>	<i>31 September 2019</i>
<i>Bilangan 30 hari pertama lewat bayar</i>	<i>10% penalti</i>
<i>Bilangan 20 hari berikutnya lewat bayar</i>	<i>15% penalti</i>
<i>Penalti dikenakan(RM400,000 x 25%)</i>	<i>RM 100,000</i>

KAEDAH PULANG BALIK KEPADA ORANG BERDAFTAR

47. Kaedah permohonan pulang balik di bawah seksyen 33(1) Akta Levi Pelepasan 2019, permohonan pulang balik boleh dimohon oleh orang berdaftar apabila berlakunya terlebih bayar atau dibayar secara silap bagi levi pelepasan atau penalti di bawah seksyen 32 dan 33 di bawah Akta tersebut.
48. Permohonan pembayaran balik yang telah dikenalpasti oleh orang berdaftar hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah melalui sistem MyDLv.

49. Tempoh permohonan pembayaran balik hendaklah dibuat didalam tempoh 1 tahun dari tarikh pembayaran levi pelepasan dan penalti yang dibuat oleh orang berdaftar.
50. Sebarang tuntutan oleh orang berdaftar berkaitan pembayaran balik, hendaklah disokong oleh apa-apa keterangan/dokumen sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

Contoh 24:

Korean Air telah membuat bayaran Levi Pelepasan yang berjumlah RM 154,000.00 kepada Ketua Pengarah bagi tempoh bercukai Disember 2019. Pada April 2020, Korean Air membuat kiraan semula dan mendapati jumlah sebenar Levi Pelepasan adalah berjumlah RM 130,000.00 sahaja (selepas disemak silang melalui Passenger Manifes). Oleh yang demikian, Korean Air mempunyai tempoh 1 tahun bermula Disember 2019 sehingga November 2020 untuk mengemukakan permohonan Pembayaran balik bagi mendapatkan jumlah perbezaan Levi Pelepasan yang telah diakaunkannya.

Contoh 25:

Pada tarikh 1 Mei 2021, Kerajaan telah mengumumkan penurunan kadar Levi Pelepasan dari RM 50.00 kepada RM 30.00. Malindo Air telah menjual tiket penerbangan dengan kadar levi pelepasan berjumlah RM50.00 kepada pelanggannya dari Kuala Lumpur ke Beijing, China selepas tarikh efektif perubahan kadar kepada RM 30.00 dengan jumlah keseluruhan RM12,000.00. Oleh yang demikian, Malindo Air boleh membuat tuntutan pembayaran balik terhadap perbezaan jumlah tersebut selepas 1 Mei 2021. Malindo Air bertanggungjawab untuk memulangkan jumlah Levi Pelepasan kepada pelanggannya.

KESALAHAN-KESALAHAN BOLEH DIKOMPAN

51. Dibawah seksyen 51 Akta Levi Pelepasan 2019, Pegawai Kanan Kastam boleh mengkompan apa kesalahan yang ditetapkan sebagai satu kesalahan yang boleh dikompakan dengan membuat satu tawaran dengan suatu amaun yang tidak melebihi lima puluh peratus (50%) daripada nilai maksimum denda mahkamah bagi kesalahan berikut:

BIL	SEKSYEN	KESALAHAN	DENDA MAKSIMUM	KOMPAN MAKSIMUM
1	13(3)	Pengendali yang gagal untuk berdaftar di bawah seksyen13(1)	RM100,000	RM250,000
2	14(3)	Pengendali asing yang gagal melantik ejen di bawah Seksyen 14(1) atau 14(2)	RM100,000	RM50,000
3	16(3)	Mana-mana pengendali atau ejen yang gagal membuat pemberitahuan tanggungan dan pembatalan pendaftaran di bawah Seksyen 16(1).	RM100,000	RM50,000
4	17(5)	Mana-mana pengendali dan ejen berdaftar yang gagal mematuhi kehendak penyimpanan rekod di bawah seksyen 17	RM100,000	RM50,000
5	19(4)	Mana-mana pengendali yang gagal mengemukakan penyata di bawah seksyen 19(1), (2) dan (3)	RM500,000	RM250,000

BIL	SEKSYEN	KESALAHAN	DENDA MAKSIMUM	KOMPAUN MAKSIMUM
6	20(3)	Mana-mana pengendali yang gagal membayar Levi Pelepasan dalam tempoh yang ditetapkan	RM500,000	RM250,000
7	36	Mana-mana orang yang menghalang, mengancam, mencabul atau tidak memberi sebarang bantuan/ kemudahan yang munasabah	RM 500,000	RM250,000
8	37	Mana-mana orang yang membuat penyata yang tidak betul atau memberi maklumat yang tidak betul	RM 500,000	RM250,000
9	38(2)	Mana-mana orang yang berniat untuk mengelak Levi Pelepasan dengan cara meninggalkan apa-apa maklumat yang menyentuh tanggungannya	RM 1,000,000	RM500,000
10	38(2)	Mana-mana orang yang berniat untuk mengelak Levi Pelepasan dengan membuat apa-apa pernyataan palsu atau catatan palsu	RM 1,000,000	RM500,000
11	38(2)	Mana-mana orang yang berniat untuk mengelak Levi Pelepasan dengan cara memberi apa-apa jawapan palsu samada secara bertulis atau	RM 1,000,000	RM500,000

BIL	SEKSYEN	KESALAHAN	DENDA MAKSIMUM	KOMPAUN MAKSIMUM
		sebaliknya		
12	38(2)	Mana-mana orang yang berniat untuk mengelak Levi Pelepasan dengan cara menyediakan atau menyerenggara apa-apa buku atau rekod palsu	RM 1,000,000	RM500,000
13	38(2)	Mana-mana orang yang berniat untuk mengelak Levi Pelepasan dengan cara membuat apa-apa bentuk penipuan, tipu daya atau helah	RM 1,000,000	RM500,000
14	60(3)	Mana-mana pelikuidasi yang gagal memberi notis penggulungan di bawah seksyen 60(1)	RM100,000	RM50,000

SOALAN-SOALAN LAZIM

Pengenaaan Levi Pelepasan

S1: Adakah Levi Pelepasan ini satu cukai yang bertindih dengan *Passenger Service Charge (PSC)* dan *Regulatory Service Charge(RSC)*?

J1: Tidak, PSC akan disalurkan kepada pengendali lapangan terbang iaitu MAHB dan Senai Airport manakala RSC akan diperolehi kepada Suruhanjaya Penerbangan Malaysia. Kutipan Levi Pelepasan akan diperolehi oleh Kerajaan dan menggunakan dana tersebut untuk pembangunan dan infrastruktur khususnya melibatkan industri penerbangan.

S2: Adakah warganegara yang mempunyai permit kerja dari Malaysia ke Singapura dikecualikan untuk membayar levi pelepasan?

J2: Warganegara yang mempunyai permit kerja yang berulang alik daripada Malaysia ke Singapura melalui jalan darat tidak tertakluk kepada levi pelepasan. Walaubagaimanapun, bagi pekerja yang menaiki kapal terbang daripada mana-mana lapangan terbang di Malaysia ke Singapura tertakluk kepada levi pelepasan.

S3: Adakah penduduk di Limbang, Sarawak dikenakan levi pelepasan kerana rutin harian mereka perlu merentasi negara Brunei untuk ke satu destinasi ke destinasi yang lain?

J3: Penduduk di Limbang tidak dikenakan levi pelepasan jika merentasi negara Brunei jika ianya melalui jalan darat.

S4: Adakah orang yang meninggalkan Malaysia melalui Kedah ke Thailand dan Johor ke Singapura yang meninggalkan Malaysia dikenakan levi juga?

J4: Orang yang meninggalkan Malaysia ke Thailand dan Singapura dikenakan levi pelepasan kepada orang yang menggunakan mod pengangkutan udara sahaja.

S5: Adakah tiket penerbangan percuma dikecualikan daripada kenaaan Levi Pelepasan?

J5: Tiket percuma tidak termasuk dibawah senarai orang yang dikecualikan untuk membayar levi sepertimana yang dinyatakan di dalam Perintah Levi Pelepasan (Pengecualian) 2019. Oleh yang demikian, pengendali penerbangan perlu mengakaunkan kadar levi pada kadar levi yang ditetapkan.

S5: Adakah kadar levi masih tertakluk kepada kadar ekonomi jika operator penerbangan dinaiktaraf daripada kelas ekonomi kepada kelas perniagaan/pertama di atas sebab tertentu?

J5: Kadar levi tertakluk kepada kadar kelas perniagaan/pertama.

S5: Adakah transit sementara disebabkan oleh pendaratan kecemasan dikenakan levi perlepasan?

J5: Tidak dikenakan levi pelepasan namun jika penumpang berlepas menggunakan kapal terbang yang lain ianya masih tertakluk kepada levi pelepasan.

S6: Bagaimana dengan pesawat sewa khas (chatered flight)?

J6: Di dalam kes kapal terbang sewaan khas dimana tiket tidak diisu kepada penumpang, orang berdaftar adalah bertanggungjawab untuk memungut dan membayar levi pelepasan mengikut kadar levi mengikut kelas penumpang yang ada.

S7: Bagaimana jika penumpang berumur di bawah 24 bulan, tetapi mendapat kerusi di dalam kapal terbang?

J7: Sekiranya kerusi diduduki oleh penumpang yang berumur 24 bulan ke bawah, Levi pelepasan tidak terpakai.

S8: Siapa termasuk dari kalangan kru kabin?

J8: Kru kabin adalah seperti berikut:

- a) Kru Penerbangan
- b) Pembantu Kabin
- c) Pekerja yang menjalankan kerja-kerja membaiki, servis, keselamatan dan kawalan penerbangan.

S9: Adakah pekerja penerbangan ini tertakluk kepada levi sekiranya membuat perjalanan selain daripada tugas?

J9: Ya. Jika pekerja yang disenarai melakukan penerbangan di atas sebab peribadi, maka Levi Pelepasan terpakai.

S10: Adakah jika penumpang membeli kerusi tambahan (sbg contoh, beli 2 tiket kelas ekonomi kerana berbadan besar), adakah levi terpakai?

J10: Sekiranya penumpang membeli kerusi tambahan di bawah penama yang sama, maka penumpang tersebut tertakluk kepada 1 kadar levi sahaja.

S11: Sekiranya penumpang membeli tiket penerbangan sebelum tarikh efektif Levi Pelepasan, dan penerbangan tersebut berlepas selepas tarikh efektif, adakah ianya tertakluk kepada kenaan levi?

J11: Tidak. Levi pelepasan hanya terpakai untuk mana-mana tiket penerbangan yang dibeli selepas tarikh efektif.

S12: Bagaimana jika penumpang terlebih bayar Levi Pelepasan?

J12: Sekiranya berlaku lebihan bayaran levi, penumpang tersebut boleh menuntut dari Operator Penerbangan yang mana tiket dibeli daripadanya.

S13: Bagaimana jika saya mempunyai Jet Peribadi dan ingin berlepas keluar dari Malaysia?

J13: Jet Peribadi yang dipandu sendiri tidak tertakluk kepada Levi Pelepasan termasuk penumpang yang menaiki.

S14: Apakah yang dimaksudkan dengan ‘Pelepasan’?

J14: Pelepasan bagi maksud Levi Pelepasan bermaksud ‘berlepas’ meninggalkan Malaysia ke luar Malaysia. Sebagai contoh, penumpang membeli tiket kapal terbang daripada Malaysia ke Singapura dan menggunakan perkhidmatan Singapore Airlines. Maka, Singapore Airlines akan mengenakan Levi Pelepasan kepada penumpang yang membeli tiket kapal terbang tersebut pada kadar yang telah ditetapkan.

S15: Apakah yang dimaksudkan dengan operator penerbangan?

J15: Operator Penerbangan adalah syarikat pengendali yang menyediakan perkhidmatan penerbangan. Sebagai contoh, Malaysia Airlines, KLM, Japanese Airlines dan Cathay Pacific.

S16: Adakah perkhidmatan pengiriman barang melalui kapal terbang dikenakan levi pelepasan oleh pengirim atau penerima?

J16: Levi pelepasan penumpang tidak terpakai kepada barang. Oleh yang demikian, kiriman barang melalui penerbangan udara adalah tidak tertakluk kepada kenaikan levi pelepasan.

S17: Apakah yang dimaksudkan dengan ‘penumpang’?

J17: Penumpang adalah seseorang yang menggunakan perkhidmatan pengangkutan yang disediakan oleh pengendali.

S18: Apakah yang dimaksudkan dengan penumpang transit?

J18: Penumpang transit bermaksud penumpang yang akan tiba dari negara lain, dan akan pergi ke negara lain melalui Malaysia dengan syarat penumpang tersebut membeli tiket di bawah satu *booking number*.

S19: Sekiranya penerbangan membuat pendaratan kecemasan di dalam Malaysia semasa penerbangan di laluan antarabangsa, kemudian berlepas semula ke luar Malaysia, adakah penumpang tersebut tertakluk kepada Levi Pelepasan?

J19: Penumpang yang terlibat dengan urusan pendaratan kecemasan walau apa pun sebabnya di lapangan terbang Malaysia semasa laluan penerbangan

antarabangsa, dan meneruskan kembali perjalanan menggunakan kapal terbang yang sama, atau kapal terbang gantian, samaada operator penerbangan yang sama atau lain operator, dengan syarat, segala kos ditanggung oleh operator yang asal dan ianya tidak tertakluk kepada Levi Pelepasan.

S20: Adakah pengendali operator penerbangan tempatan bertanggung untuk berdaftar?

J20: Mana–mana operator penerbangan yang menyediakan perkhidmatan penerbangan dari Malaysia ke luar negara perlu mendaftar di bawah Akta Levi Pelepasan.

S21: Adakah pembelian menggunakan tiket waran kerajaan tertakluk kepada Levi Pelepasan?

J21: Ya. Ianya tertakluk kepada kenan Levi.

S22: XYZ Bhd memiliki jet peribadi untuk kegunaan lembaga pengarah berurusan ke luar negara, adakah ianya tertakluk kepada Levi Pelepasan?

J22: Ya, ianya tertakluk kepada kenan Levi Pelepasan.

BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT LEVI PELEPASAN

Maklumat lanjut mengenai Levi Pelepasan boleh diperolehi dari:

- a) Laman web Levi Pelepasan : www.mydlv.customs.gov.my
- b) Emel : enquiry.mydlv@customs.gov.my
- c) Pusat Panggilan Kastam : Tel : 1-300-888-500
Fax : 03-7806 7599
E-mail : ccc@customs.gov.my
- d) Alamat:

Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 3, Persiaran Perdana, Presint 2
62596 Putrajaya.